



Submission date: 07/08/2020

Accepted date: 03/08/2021

DOI: 10.33102/abqari.vol24no2.312

## **GARISPANDUAN PENDEKATAN SYARIAH TERHADAP PENGURUSAN KOMISEN DANA AWAM OLEH PERTUBUHAN BUKAN KERAJAAN (NGOs)**

***Syariah Approach Guideline on the Commission Management of Public Donation  
by Non-Governmental Organizations (NGOs)***

Khadijah Amira Abdul Rashid<sup>1</sup>, Mohd Mahyeddin Mohd Salleh<sup>2</sup> & Mohd  
Soberi Awang<sup>3</sup>

Universiti Sains Islam Malaysia

<sup>1</sup>[khadijahamira.ar@gmail.com](mailto:khadijahamira.ar@gmail.com) (corresponding author)

<sup>2</sup>[mahyeddin@usim.edu.my](mailto:mahyeddin@usim.edu.my)

<sup>3</sup>[soberi@usim.edu.my](mailto:soberi@usim.edu.my)

### **Abstract**

Donation collection activity is one of the methods used by the NGOs to raise fund. The purpose of this research is to study the management aspects of donation fund by NGOs, identify the factors that affect the determination of commission rate and propose a syariah compliant guideline on the commission management of public donation. The methodology used is qualitative method by using document analysis and interview to the six NGOs. The findings show that there are several management aspects of donation fund applied by the NGO. There are four factors that affect the determination of commission rate which are wage of *amil*, decision of top management, guideline from *mufti*, *zakah* institution and other NGOs and according to the project and management cost. Moreover, seven guidelines according to the syariah are created on the commission management of public donation which are predominantly Muslim staff, managing the aspects of donation fund, applying the contract of *ijarah*, *wakalah* or *ji'alah*, take the commission between 12.5% to 20%, informing the commission taken to the donor, notifying the donation fund that has been channelled and donation fund are kept in syariah compliant bank. This guideline can be used as a reference to the other NGOs.

**Keywords:** Syariah approach guideline, non-governmental organizations (NGOs), commission, public donation.

## Abstrak

Aktiviti kutipan dana merupakan salah satu kaedah yang sering dilakukan oleh NGO untuk mendapatkan dana. Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mengkaji amalan pengurusan dana awam oleh badan-badan NGO, mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi penetapan kadar komisen daripada dana awam dan mencadangkan garispanduan patuh syariah terhadap pengurusan komisen dana awam oleh NGO. Metodologi yang digunakan ialah kaedah kualitatif dengan menggunakan pendekatan analisis dokumen dan temubual terhadap enam buah pertubuhan NGO di Malaysia. Hasil kajian menunjukkan bahawa terdapat beberapa aspek pengurusan dana awam yang dikendalikan oleh NGO. Kemudian, terdapat empat faktor yang mempengaruhi penetapan kadar komisen iaitu mengikut kadar upah amil zakat, keputusan daripada pihak atasan, rujukan kepada mufti, institusi zakat dan NGO-NGO lain serta berdasarkan kepada kos projek dan kos pengurusan. Selain itu, terdapat tujuh garispanduan pendekatan syariah terhadap pengurusan komisen daripada dana awam, iaitu staf beragama Islam, mengurus aspek dana awam secara sistematik, mengaplikasikan akad kontrak *ijarah*, *wakalah* atau *ji'alah*, mengambil komisen di antara 12.5% hingga 20%, memaklumkan pengambilan komisen kepada penderma, memaklumkan wang dana yang telah disalurkan dan dana awam disimpan di bank patuh syariah. Garispanduan ini berperanan sebagai rujukan kepada NGO-NGO lain pada masa akan datang.

**Kata kunci:** Garispanduan pendekatan syariah, pertubuhan bukan kerajaan (NGOs), komisen, dana awam.

## PENGENALAN

Pertubuhan bukan kerajaan atau lebih dikenali sebagai NGO ialah satu organisasi yang bergerak atas tujuan tertentu dan ia tidak dikawal oleh kerajaan. Kebiasaannya, NGO ini ditubuhkan di bawah undang-undang seperti Akta Pertubuhan 1966, Akta Syarikat 1965 dan lain-lain lagi. Oleh itu, segala pergerakan NGO tersebut adalah tertakluk kepada undang-undang pertubuhan mereka.

Salah satu tujuan penubuhan NGO adalah bagi melaksanakan pelbagai misi dan aktiviti kemanusiaan. Mereka membantu golongan yang memerlukan untuk mengatasi masalah seperti mati kebuluran kerana tiada makanan, mati kesejukan kerana tiada perlindungan, mati kesakitan kerana tiada wang dan pelbagai lagi. Sebagai contoh, Majlis Perundingan Pertubuhan Islam Malaysia atau lebih dikenali sebagai MAPIM mewujudkan sebuah penempatan di Syria yang dinamakan sebagai Perkampungan Ummah. Kos keseluruhan yang dianggarkan sebanyak RM3 juta itu akan dilengkapi dengan 100 buah rumah, sekolah, masjid, klinik bergerak dan taman permainan kanak-kanak (Husni, 2019). Selain itu, *Islamic Relief Malaysia* [IRM] (2019) juga melancarkan projek Dana Wakaf Air Somalia 2.0. Projek ini bertujuan

membina dua unit telaga air di wilayah Nugaal, Puntland. Pembinaan telaga ini adalah untuk kemudahan jangka masa panjang kepada mereka yang diancam kebuluran sejak tahun 2011 lagi.

Dalam usaha menghulurkan bantuan kemanusiaan ini, NGO juga memerlukan sumber dana untuk menggerakkan misi-misi tersebut. Oleh itu, salah satu aktiviti yang dilakukan oleh NGO untuk mendapatkan sumber dana adalah melalui kutipan dana daripada orang ramai. Pada masa yang sama, menurut Garis Panduan Bagi Kelulusan Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri Di Bawah Subseksyen 44(6) Akta Cukai Pendapatan 1967, mereka juga dibenarkan untuk menggunakan hasil kutipan berkenaan bagi menampung kos pengurusan organisasi mereka. Walau bagaimanapun, Pertubuhan Serantau Muslim (2019), Cinta Syria Malaysia [CSM] (2020) dan Muslim Volunteer Malaysia [MVM] (2020) menyatakan bahawa kadar komisen yang boleh diambil daripada kutipan dana yang dilakukan masih kurang jelas. Hal ini kerana sehingga kini masih tiada satu garispanduan jelas yang boleh dijadikan rujukan kepada semua NGO dalam pengambilan komisen ini. Akibatnya, timbul pelbagai jenis penetapan kadar komisen sehingga ada yang mengambil kadar komisen yang terlalu tinggi.

Oleh itu, kajian ini dilaksanakan untuk mencadangkan garis panduan khusus berkaitan pengambilan komisen berlandaskan syariah daripada kutipan dana orang ramai yang dijalankan oleh badan-badan NGO. Secara tidak langsung, ia dapat membantu NGO-NGO yang lain untuk mengaplikasikan kadar komisen yang bersesuaian disamping dapat memaksimumkan sumbangan orang ramai kepada golongan yang memerlukan dengan adil.

### **KOMISEN DAN AKAD KONTRAK *IJARAH*, *WAKALAH* DAN *JI'ALAH***

Menurut Dewan Bahasa & Pustaka komisen bermaksud wang upah yang dibayarkan kepada wakil atau ejen kerana menjual barang-barang atau juga disebut sebagai *dalal*. Komisen juga boleh dikaitkan dengan tiga akad kontrak dalam Islam iaitu *ijarah*, *wakalah* dan *ji'alah*. *Ijarah* boleh didefinisikan sebagai akad ke atas manfaat yang ditujukan dan diketahui di mana ia boleh diperolehi melalui bayaran tertentu terhadap sesuatu yang diharuskan (Al-Syarbini, 1997). Dalil pensyariatan *ijarah* adalah seperti berikut;

﴿فَإِنْ أَرْضَعْنَ لَكُمْ فَأَتُوهُنَ أَجُورُهُنَ...﴾ (٦)

Kemudian, jika mereka menyusukan anak untuk kamu, maka berikanlah kepada mereka upahnya... (6)

(Surah al-Talaq 65:6)

Ayat ini membawa maksud bahawa seseorang harus memberi imbalan atau upah terhadap mereka yang sudah bekerja terhadapnya.

Mengenai upah dalam *ijarah*, fuqaha bersetuju bahawa syarat upah adalah daripada harta yang berharga dan berdasarkan jumlah yang diketahui (Abdul Wahab, 1992). Mereka juga bersetuju bahawa upah adalah dalam bentuk tunai. Dalam pada masa yang sama, upah juga boleh berupa dalam bentuk barang yang mana pihak pertama perlu menjelaskan kadar upah tersebut (Al-Sarakhsy, 1986; Malik, 1994; Al-Mawardi, 1994; Al-Buhuti, 1982).

*Wakalah* pula bermaksud penyerahan kuasa terhadap sesuatu yang boleh dilakukan sendiri dan boleh diwakilkan kepada orang lain untuk dilakukan oleh wakil tersebut selama pemilik kuasa masih hidup (Al-Syarbini, 1997). Dalil pensyariatan *wakalah* adalah berdasarkan hadis berikut;

عَنْ عُقْبَةَ بْنِ عَامِرٍ . رضى الله عنه أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَعْطَاهُ غَنَّمًا  
يَقْسِمُهَا عَلَى صَحَّاتِهِ، فَبَقِيَ عَتُودٌ فَدَكَرَهُ لِلنَّبِيِّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ  
"ضَحَّى بِهِ أَنْتَ".

Dari Uqbah bin Amir bahawa Nabi memberikannya kambing untuk dibahagikan kepada para sahabatnya. Lalu bakinya anak kambing, maka beliau menceritakan kepada Nabi SAW dan baginda bersabda: “Korbankanlah ia untukmu”.

(Diriwayatkan oleh al-Bukhari)

Hadis ini menerangkan bahawa Nabi telah mewakilkan Uqbah bin Amir untuk membahagikan kambing kepada para sahabat. Kemudian, baki seekor anak kambing tersebut telah diberikan kepadanya untuk dikorbankan. Ini merupakan satu bentuk upah yang diterima oleh Uqbah.

Seterusnya, *ji'alah* bermaksud kesepakatan memberi imbalan atas suatu pekerjaan tertentu atau pekerjaan yang belum pasti boleh dilaksanakan (Al-Syarbini, 1997). Dalil pensyariatan *ji'alah* adalah berdasarkan al-Quran seperti berikut;

فَالْوَلُو نَفَقْدُ صُوَاعَ الْمَلِكِ وَلِمَنْ جَاءَ بِهِ حِمْلُ بَعِيزٍ وَأَنَا بِهِ رَعِيمٌ (٧٢)

Orang-orang menteri menjawab: “Kami kehilangan cupak raja. Dan sesiapa yang memulangkannya akan diberi (benda-benda makanan) sebanyak muatan seekor unta, dan akulah yang menjamin pemberian itu” (72)

(Surah Yusuf 12:72)

Dari segi upah atau ganjaran, Syafii dan Hambali menyatakan bahawa pihak pertama boleh mengubah jumlah upah tersebut sama ada dengan menambah atau mengurangkan jumlah itu. Walau bagaimanapun, mazhab Hambali berpendapat bahawa upah hanya boleh diubah sebelum sesuatu pekerjaan dimulakan. Sementara itu, mazhab Syafii menyatakan bahawa pihak pertama boleh mengubah jumlah upah selagi mana pekerjaan tersebut masih belum disiapkan oleh pihak kedua. Sungguhpun begitu, jika pihak pertama masih ingin mengurangkan jumlah upah ketika pekerjaan masih dilaksanakan, ia perlu mengikut upah yang wajar mengikut kebiasaan masyarakat (Abdul Azis, 1996).

Oleh itu, ketiga-tiga akad ini berkait rapat dengan komisen. Akad ini juga membenarkan pengambilan upah atau komisen setelah melakukan perkara tertentu.

## **PERTUBUHAN BUKAN KERAJAAN (NGO)**

Pertubuhan Bukan Kerajaan atau lebih dikenali dengan istilah NGO digunakan secara rasmi oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) pada tahun 1945 (Makmor & Robi, 2017). Turner dan Hulme (1997) mendefinisikan NGO sebagai organisasi berdaftar, kumpulan masyarakat, persatuan profesional, kesatuan sekerja dan badan amal yang bertujuan untuk meningkatkan kesejahteraan anggota mereka dan di kawasan yang mereka wujud.

Ciri-ciri NGO adalah seperti sukarela, tidak berpihak, tidak berasaskan keuntungan dan tidak menjalankan aktiviti jenayah (Makmor & Robi, n.d.). Menurut Shinichi, Kasian dan Apichart (2004), terdapat enam prinsip yang berkaitan dengan NGO iaitu bukan kerajaan, tidak berasaskan keuntungan, sukarela, kukuh dan berterusan, altruistik dan dermawan. Sementara itu, Salamon dan Anheier (1995) menyatakan tujuh ciri yang menerangkan mengenai NGO iaitu bersifat formal, swasta, pengagihan tanpa keuntungan, pemerintahan bersendiri, sukarela, tidak berasaskan agama dan tidak berpolitik. Berdasarkan kepada ciri-ciri tersebut, dapat disimpulkan bahawa terdapat persamaan dalam menggambarkan sesebuah NGO iaitu sukarela dan tidak berasaskan keuntungan.

Peter (2002) telah mengkategorikan NGO kepada dua bahagian iaitu NGO operasi (*operational NGO*) dan NGO berkempen (*campaigning NGO*). NGO operasi merujuk

kepada organisasi yang menjalankan projek pembangunan kepada kumpulan sasaran mereka seperti golongan miskin, orang kurang upaya, golongan tua dan mereka yang tertindas. NGO seperti ini memerlukan pelbagai sumber dalam bentuk kewangan, peralatan atau sukarelawan untuk menjalankan projek. Sementara itu, NGO berkempen pula merujuk kepada organisasi di mana aktiviti utama mereka adalah mempengaruhi proses penggubalan dasar di sebuah negara. Mereka lebih cenderung kepada sumber tidak berwujud untuk menggerakkan sesuatu aktiviti seperti sumbangan idea, pengalaman, kepakaran dan masa daripada setiap anggota dan individu (Peter, 2002).

Pada masa yang sama, NGO sangat berkait rapat dengan isu kewangan. Menurut Fischer, Wilsker, & Young, (2011), sebilangan besar NGO lebih berdikari dalam memperoleh pendapatan organisasi iaitu melalui sumbangan dan program swasta. Menurut Saunah, Ruhaya, Bee Wah dan Roland (2011) pula, penderma cenderung untuk menyalurkan dana dan sumbangan dengan lebih banyak apabila menerima pelbagai maklumat yang dikongsikan oleh sebuah NGO. Oleh itu, NGO perlu bertindak dengan cekap dalam mengukuhkan hubungan dengan penderma kerana ia mampu menentukan sumber dana sebuah NGO.

Atika, Kartini dan Nidzam (2015) mendapati bahawa NGO kemanusiaan merupakan NGO yang paling aktif di kebanyakan negara termasuk Malaysia. NGO seperti ini menjadikan bantuan kemanusiaan sebagai elemen utama dalam memastikan kehidupan harmoni terpelihara. Malaysia juga tidak ketinggalan memiliki sejumlah besar NGO kemanusiaan. Menurut Rose, Phil O'Keefe, Jayawickrama, dan O'Brien, (2013), matlamat utama bantuan kemanusiaan adalah untuk mengurangkan kehilangan nyawa dengan memberikan bantuan kepada mereka yang memerlukan makanan dan air, perlindungan dan keperluan penjagaan kesihatan bagi yang cedera dan orang sakit. Sebilangan besar daripada mereka menyalurkan bantuan kemanusiaan kepada mangsa perang seperti Palestin dan Syria serta etnik Rohingya yang telah dinafikan status kenegaraan mereka. Antara NGO yang terlibat dalam bantuan kemanusiaan adalah seperti Aman Palestin, Aqsa Syarif, Malaysia Life Line for Syria (MLLFS), IRM, MAPIM dan banyak lagi.

## METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif yang melibatkan analisis dokumen dan temubual. Leedy (1993) menyatakan bahawa penyelidikan kualitatif berdasarkan kepada pengalaman pertama memberikan data yang paling bermakna. Ia juga dipercayai bahawa data kualitatif memberikan sejumlah besar data yang berkualiti daripada bilangan orang yang terhad.

Menurut Bowen (2009), analisis dokumen bermaksud penyelidik mentafsir dokumen-dokumen untuk memberi makna sekitar topik penilaian. Untuk kajian ini, maklumat yang diperolehi adalah berdasarkan jurnal dan artikel daripada sumber yang mudah didapatkan.

Sementara itu, temubual pula bermaksud teknik penyelidikan kualitatif di mana ia adalah wawancara individu secara intensif yang melibatkan sebilangan kecil informan untuk mengetahui pandangan mereka berkaitan idea, program atau situasi tertentu (Boyce & Neale, 2006). Dalam kajian ini, temubual separa berstruktur telah dibuat ke atas enam informan daripada NGOs terpilih, berdasarkan kepada keterlibatan langsung mereka dalam kutipan dana awam. Enam NGO tersebut adalah Islamic Relief Malaysia (IRM), Aman Palestin, Majlis Perundingan Pertubuhan Islam Malaysia (MAPIM), Cinta Syria Malaysia (CSM), Muslim Volunteer Malaysia (MVM) dan Serantau Muslim. Temubual telah diadakan bermula pada 14 November 2019 sehingga 27 Februari 2020. Antara soalan yang diajukan adalah seperti latar belakang NGO, pengurusan wang dana oleh NGO, akad kontrak yang digunakan, kadar komisen yang diambil, faktor-faktor yang mempengaruhi penetapan kadar komisen dan lain-lain lagi.

Kemudian, data temubual yang diperolehi dianalisis menggunakan pendekatan analisis kandungan. Ia digunakan untuk mengenal pasti tema, konsep, maksud dan pengkodan yang berkaitan dengan tujuan penyelidikan. Data tersebut digunakan untuk melengkapkan objektif kajian ini.

## **HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN**

### **Pengurusan wang dana oleh NGO**

Setiap NGO sentiasa mencuba sedaya upaya untuk menguruskan wang dana mereka secara sistematik. Ini adalah untuk memastikan mereka dapat menyalurkan dana semaksimum mungkin kepada mereka yang memerlukan dan hanya menggunakan sedikit sahaja daripada dana tersebut untuk menampung kos pengurusan. Antaranya, mereka akan menetapkan kumpulan sasaran yang terlibat untuk menerima dana. Mereka juga menetapkan kadar peratus yang akan disalurkan di dalam dan luar negara. Bagi IRM, Aman Palestin, MAPIM dan CSM, dana yang disalurkan lebih kepada luar negara. Akan tetapi, mereka masih memperuntukkan sedikit dana untuk bantuan di dalam Malaysia. Berbeza pula dengan MVM, fokus mereka lebih banyak di dalam Malaysia dan hanya menyampaikan dana ke luar negara dalam peratus yang kecil.

Selain itu, mereka juga sentiasa meletakkan sasaran kutipan dana tahunan untuk memastikan mereka mencapai sasaran tersebut dengan jayanya. Bagi NGO seperti

IRM, Aman Palestin dan MAPIM, sasaran kutipan dana tahunan mereka adalah sekitar RM20 juta hingga RM28 juta. Sementara itu, NGO seperti CSM dan MVM, sasaran kutipan dana mereka adalah sekitar RM3 juta hingga RM4.5 juta setahun. Bagi Serantau Muslim pula, mereka tidak dapat menyatakan jumlah sebenar kutipan dana tahunan kerana ia bergantung kepada kempen yang dijalankan. Walau bagaimanapun, mereka sentiasa menunjukkan peningkatan dan perkembangan positif dari tahun ke tahun.


Justeru, IRM sentiasa telus dalam memaklumkan kadar komisen yang diambil kepada orang ramai. Bagi Aman Palestin, mereka akan menyatakan komisen yang diambil tetapi tidak memaklumkan secara langsung kepada umum demi menjaga sensitiviti NGO lain supaya ia tidak mendatangkan sebarang isu. Mereka hanya akan memaklumkan kadar komisen tersebut jika terdapat segelintir masyarakat yang bertanyakan hal sedemikian secara terus kepada pihak mereka. CSM pula tidak menyatakan pengambilan komisen di mana-mana platform. Namun, jika terdapat individu yang ingin mengetahui hal tersebut, mereka akan memaklumkannya secara peribadi terhadap individu tersebut. Berbeza dengan MVM, mereka bersifat lebih terbuka untuk memaklumkan pengambilan komisen dalam organisasi mereka. Mereka akan memaklumkan hal tersebut melalui poster atau dalam terma dan syarat semasa melakukan transaksi dalam laman web MVM. Hal ini penting untuk memastikan tiada unsur penipuan atau ketidakpastian dalam menguruskan wang dana.

NGO-NGO ini juga sentiasa memaklumkan dana yang telah dihantar dan disampaikan kepada golongan sasar sebagai bukti kepada para penderma. Kebiasaannya, mereka akan memaklumkan dalam bentuk gambar mahupun rakaman video.

### **Faktor-faktor Mempengaruhi Penetapan Kadar Komisen**

Berdasarkan kajian terhadap enam buah NGO di Malaysia, terdapat empat faktor utama yang dikenalpasti mempengaruhi pengambilan kadar komisen oleh badan-badan NGO. Empat faktor tersebut adalah seperti upah amil zakat, keputusan pihak atasan, rujukan daripada mufti, institusi zakat dan NGO-NGO lain serta kos projek dan pengurusan, seperti ditunjukkan dalam Rajah 1.

**Rajah 1: Faktor Pengambilan Komisen**



#### 1. Mengikut upah amil zakat

IRM dan MAPIM memutuskan untuk mengambil komisen sebanyak 12.5% kerana ia bersamaan dengan 1/8 upah amil zakat. Komisen yang diambil itu digunakan untuk kos pengurusan, pentadbiran dan lain-lain lagi. IRM mengambil komisen tersebut dengan mengaplikasi akad kontrak *ijarah* manakala MAPIM pula mengaplikasi akad kontrak *wakalah*.

IRM juga turut menambah bahawa dalam sesetengah kes, kos untuk melaksanakan projek luar negara tidak terlalu tinggi. Oleh itu, mereka cuba untuk mengurangkan pengambilan komisen daripada 12.5% kepada 10% sahaja. Selebihnya akan disalurkan kepada projek berkenaan. Malah, IRM juga berharap untuk mendapatkan sumbangan dana dengan lebih banyak lagi supaya komisen yang diambil dapat dikurangkan.

Bagi MAPIM pula, mereka menggunakan kebijaksanaan mereka untuk menjana dana tambahan dalam pengurusan mereka. Daripada 12.5% komisen yang diambil daripada dana orang ramai, mereka hanya menggunakan 7.5% sahaja untuk kos pengurusan. Sementara itu, 5% lagi digunakan untuk menjana dana dengan melaburkannya di restoran, agensi pelancongan dan pasaraya. Ini merupakan strategi yang dilakukan oleh MAPIM untuk mengurangkan pengambilan komisen daripada kutipan dana yang dilakukan. Malah, mereka berhasrat untuk mengurangkan lagi kadar komisen dengan mengambil bawah 3% sahaja pada hujung tahun 2020.

## 2. Keputusan daripada pihak atasan

Aman Palestin menyatakan bahawa mereka mengambil komisen sebanyak 40% dengan mengaplikasi akad kontrak *ijarah* dan *wakalah*. Ini disebabkan oleh mereka berdaftar di bawah Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM). Komisen yang diambil adalah berdasarkan kepada perbincangan pihak atasan yang terdiri daripada ahli lembaga pengarah, penasihat dan auditor dengan merujuk undang-undang syariah. Walau bagaimanapun, rujukan tersebut tidak dapat dijelaskan secara terperinci kepada umum. Pada masa yang sama, mereka juga telah merujuk kadar komisen tersebut kepada pihak SSM dan Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN). Malah, cawangan Aman Palestin di Indonesia juga mengaplikasikan konsep yang sama seperti di Malaysia.

Walaupun Aman Palestin mengambil komisen sebanyak 40%, mereka menegaskan bahawa hanya 15% sahaja yang digunakan sebagai kos pengurusan seperti sewa bangunan, gaji staf, bil air dan elektrik dan lain-lain lagi. Baki sebanyak 25% lagi digunakan untuk penjanaan semula.

## 3. Rujukan kepada mufti, institusi zakat dan NGO-NGO lain

Bagi CSM, mereka memutuskan untuk mengambil komisen sebanyak 12.5% sahaja setelah merujuk kepada mufti, pegawai zakat dan juga bertanya kepada NGO-NGO yang lain. Hal ini disebabkan oleh Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia atau lebih dikenali sebagai ROS tidak menyediakan rujukan berkaitan hal ini. Mereka mengambil komisen tersebut dengan mengaplikasi akad kontrak *ijarah*. Selain itu, CSM mengaplikasi akad *ji'alah* di mana mereka memberi sedikit komisen kepada staf yang berusaha untuk mendapatkan dana. Daripada 12.5% komisen yang diambil, CSM akan memperuntukkan 2% daripada itu untuk diberi kepada staf jika mereka mencapai sasaran dana yang telah ditetapkan. Seterusnya, CSM menggunakan akad kontrak *wakalah* dalam kontrak untuk perkhidmatan (*contract for service*) kepada individu yang pakar dalam bidang kewangan (*finance*) serta pemasaran teknikal (*technical marketing*). Individu ini akan menerima bayaran walaupun tidak bekerja secara tetap di CSM.

Selain itu, MVM pula menjadikan NGO-NGO yang telah lama bertapak di Malaysia sebagai rujukan buat mereka untuk mengetahui kadar komisen yang bersesuaian. Ini untuk memastikan mereka tidak mengambil komisen lebih daripada yang sepatutnya.

## 4. Kos projek dan kos pengurusan

MVM pula memutuskan untuk mengambil komisen sebanyak 20% dengan mengaplikasi akad kontrak *ijarah* setelah mengambil kira kos projek dan kos pengurusan. Sementara itu, 80% dana yang diterima akan disalurkan untuk projek di dalam Malaysia dan luar negara. Pada masa yang sama, MVM sedang berusaha ke

arah sifar kos operasi. Akan tetapi, pelbagai faktor lain perlu dititikberatkan sebelum membuat keputusan sebegitu.

Bagi Serantau Muslim pula, tiada sebarang faktor yang mempengaruhi kadar pengambilan komisen. Hal ini disebabkan oleh mereka tidak mengambil sebarang komisen daripada kutipan dana orang ramai. Oleh itu, tiada akad kontak yang diaplikasi oleh Serantau Muslim. Ini bermakna semua kutipan dana yang dilakukan akan disalurkan 100% kepada golongan yang memerlukan. Pada masa yang sama, untuk menampung kos operasi organisasi mereka, Serantau Muslim menjalankan pelbagai aktiviti ekonomi di mana ia masih berterusan sehingga kini.

### **Garispanduan Pendekatan Syariah Terhadap Pengurusan Komisen Daripada Dana Awam**

Berdasarkan penelitian penyelidik, terdapat tujuh elemen yang harus dipatuhi untuk menjadikan pengurusan NGO bertepatan dengan pendekatan syariah, khususnya mengenai pengambilan kadar komisen dana awam. Ia dapat dijelaskan melaluiuraian di bawah.

#### **1. Staf beragama Islam**

Setiap NGO perlulah memastikan bahawa staf yang dipilih adalah beragama Islam. Hal ini adalah untuk memastikan bahawa gerak kerja yang dilaksanakan adalah selari dengan Islam. Selain itu, ia dapat mengelakkan timbulnya isu perselisihan faham mengenai sesuatu perkara yang boleh bercanggah dengan syariat Islam. Ini dapat dilihat melalui temubual yang dijalankan di mana staf-staf yang bekerja di bawah NGO ini adalah beragama Islam.

#### **2. Mengurus aspek dana awam secara sistematik**

Setiap NGO disarankan untuk menguruskan dana awam secara sistematik dengan mengikuti beberapa aspek yang digariskan. Antara aspek yang dititikberatkan adalah menetapkan golongan sasar yang menerima dana. Selain itu, mereka juga perlu menetapkan kadar peratus yang disalurkan di dalam dan luar negara. Ini untuk memastikan jumlah dana mencukupi dengan golongan sasar yang ditetapkan. Pada masa yang sama juga, NGO perlu menetapkan sasaran kutipan dana tahunan yang berjaya dikumpul. Ini adalah untuk memastikan bahawa mereka akan bekerja keras untuk mencapai sasaran kutipan dana setiap tahun.

#### **3. Mengaplikasikan akad kontrak *ijarah*, *wakalah* atau *ji'alah***

NGO juga disarankan untuk mengaplikasikan mana-mana akad kontrak yang bersesuaian sama ada akad *ijarah*, *wakalah* atau *ji'alah*. Secara umum, akad *ijarah* bermaksud upah atas pemanfaatan suatu benda, imbalan suatu kegiatan atau upah

kerana melakukan aktiviti. Akad ini terdiri daripada empat rukun iaitu dua orang yang berakad, *sighah* (*ijab* dan *qabul*), *ujrah* (upah) dan manfaat. Dalam konteks ini, dua orang yang berakad di sini ialah penderma dan NGO. *Sighah* pula ialah pemakluman transaksi wang dana daripada pihak penderma kepada pihak NGO. *Ujrah* ialah upah atau komisen yang diambil oleh pihak NGO daripada wang dana yang disumbangkan oleh penderma dan manfaat pula ialah wang dana yang disalurkan kepada penerima bantuan.

Akad *wakalah* pula bermaksud penyerahan kekuasaan oleh seseorang kepada orang lain dalam hal-hal yang boleh diwakilkan. Akad ini mempunyai empat rukun iaitu orang yang mewakilkan, orang yang diwakilkan, objek yang diwakilkan dan *sighah* (*ijab* dan *qabul*). Orang yang mewakilkan dalam konteks ini ialah penderma dan orang yang diwakilkan pula ialah pihak NGO. Objek yang diwakilkan ialah penderma mewakilkan NGO untuk menyalurkan bantuan dan dana kepada golongan yang memerlukan manakala *sighah* adalah pemakluman transaksi wang dana oleh penderma kepada pihak NGO.

Justeru, akad *ji'alah* boleh dimaksudkan sebagai akad atas suatu manfaat yang mana akan mendapat imbalan sebagaimana yang dijanjikan terhadap sesuatu pekerjaan. Akad ini terdiri daripada empat rukun iaitu lafaz, orang yang menjanjikan upah, jenis pekerjaan dan upah. Dalam situasi ini, akad ini sangat sesuai diaplikasikan apabila sesebuah NGO menjanjikan upah khas kepada staf mereka jika mereka mencapai target yang disasarkan dalam menyempurnakan kutipan dana sesuatu misi atau projek.

Oleh itu, berdasarkan kepada penerangan di atas, akad-akad tersebut amat sesuai diaplikasikan oleh setiap NGO dalam melaksanakan gerak kerja mereka untuk mengumpul dana orang ramai. Ini dapat dibuktikan bahawa NGO yang telah ditemubual mengaplikasikan sekurang-kurangnya satu daripada tiga akad kontrak ini.

#### 4. Mengambil komisen di antara 12.5% hingga 20%

NGO dinasihatkan untuk tidak mengambil komisen lebih daripada jumlah wang dana yang akan disalurkan. Oleh itu, berdasarkan kepada temubual yang telah dijalankan, kadar komisen yang terbaik yang boleh diambil oleh NGO adalah sebanyak 12.5%. Ini kerana beberapa NGO yang telah ditemubual juga telah mengambil kadar komisen sedemikian. Hal ini disebabkan oleh 12.5% yang diambil adalah bersamaan dengan 1/8 upah amil zakat. Oleh itu, ia menguatkan lagi hujah untuk badan-badan NGO mengaplikasi kadar komisen tersebut. Kadar ini dapat menampung beberapa perkara asas seperti gaji pekerja, sewa bangunan, bayaran utiliti dan lain-lain lagi.

Pada masa yang sama, jika NGO tersebut masih tidak mampu untuk mengambil komisen serendah itu, mereka dibenarkan untuk mengambil komisen sehingga 20%

seperti yang dilakukan oleh MVM. Ini dapat dibuktikan bahawa walaupun MVM baru beberapa tahun ditubuhkan tetapi mereka hanya mengambil 20% sahaja untuk menampung kos pengurusan. Malah, kadar pengambilan 20% tidaklah keterlaluan kerana masih tidak melebihi kadar peratus dana yang disalurkan.

Namun, berbeza pula jika sesebuah NGO itu mampu untuk mengambil komisen kurang daripada 12.5%, maka itu adalah lebih baik. Ini adalah untuk melindungi hak penerima bantuan supaya dana tersebut benar-benar dapat disalurkan kepada mereka.

#### 5. Memaklumkan pengambilan komisen kepada penderma

Setiap NGO juga perlu memaklumkan kadar komisen yang diambil oleh mereka kepada para penderma. Hal ini disebabkan oleh penderma juga berhak untuk mengetahui berapa kadar komisen yang diambil oleh NGO dan berapa peratus dana yang disalurkan kepada golongan sasar. Hal ini sangat penting supaya para penderma maklum dan jelas tentang hal tersebut. Ini juga dapat mengelakkan daripada timbulnya isu lain seperti penyalahgunaan wang dana.

#### 6. Memaklumkan wang dana yang telah disalurkan

NGO juga perlu memaklumkan kepada para penderma tentang wang dana yang telah disalurkan kepada penerima bantuan. Hal ini untuk memastikan bahawa wang dana yang didermakan oleh penderma itu benar-benar sampai kepada mereka yang memerlukan. NGO boleh memberikan bukti dengan mengirimkan gambar mereka menyampaikan sumbangan kepada penerima yang terlibat buat tatapan para penderma.

#### 7. Dana awam disimpan di bank patuh syariah

NGO juga dinasihatkan supaya dana yang diterima perlu diuruskan menggunakan bank patuh syariah. Hal ini kerana semua perkara yang berkaitan dengan perbankan Islam akan dipantau oleh Majlis Jawatankuasa Penasihat Syariah dan Audit Syariah. Mereka lah yang bertanggungjawab untuk memastikan sesebuah bank itu patuh syariah. Sistem kewangan Islam yang diaplikasikan juga adalah berdasarkan kepada akad yang telah dipersetujui oleh hukum syarak. Oleh itu, ia lebih selamat, lebih terjamin dan tidak akan terlibat dalam perkara-perkara yang dilarang oleh Islam.

Oleh itu, berdasarkan penerangan di atas, elemen-elemen inilah yang perlu diaplikasikan oleh setiap NGO untuk memastikan NGO mereka bertepatan dengan pendekatan syariah dalam pengambilan komisen.

## PENUTUP

Sebagai kesimpulan, majoriti NGO mengaplikasikan konsep kutipan dana untuk membantu golongan yang memerlukan. Pada masa yang sama, mereka dibenarkan juga untuk mengambil sedikit komisen daripada kutipan dana orang ramai untuk menampung kos pengurusan organisasi mereka. Pengambilan komisen daripada sesuatu hasil kerja juga tidak menyalahi syariah asalkan akad kontrak yang diaplikasikan itu adalah jelas sama ada berlandaskan konsep *ijarah*, *wakalah* atau *ji'alah*.

Untuk mengelakkan kekeliruan tentang had pengambilan komisen yang dibenarkan, garispanduan pendekatan syariah diwujudkan sebagai rujukan kepada NGO-NGO lain pada masa akan datang. Ini adalah untuk memastikan pengurusan NGO tersebut sentiasa berada dalam keadaan stabil dengan menggunakan kadar komisen sebaik mungkin selain dapat memaksimumkan sumbangan dana yang dikumpul untuk golongan yang memerlukan. Pengurusan komisen daripada kutipan dana awam yang telus dan efisien mampu menjadikan sesebuah badan NGO itu terus mendapat kepercayaan daripada masyarakat. Selain itu, ia dapat mengelakkan sesebuah aktiviti kebijakan dan kemanusiaan itu tidak dimanipulasikan oleh mana-mana pihak yang tidak bertanggungjawab untuk dijadikan batu loncatan dan lubuk keuntungan.

## RUJUKAN

- Abdul Azis Dahlan. (1996). *Ensiklopedi hukum Islam* (1st ed.). Jakarta: PT Ichtiar Baru van Hoeve.
- Abdul Wahab Abu Sulayman. (1992). *Aqd al-ijarah : Masdar min Masadir al-Tamwil al-Islamiyyah*. Jeddah.
- Al-Buhuti, Mansur. (1982). *Kashaf al-qina'*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-Bukhari, Muhammad. (1997). *The translation of the meanings of Sahih al-Bukhari*. Vol 3. Riyadh: Maktaba Darussalam.
- Al-Mawardi, Abu al-Hasan Ali. (1994). *Al-Hawi al-kabir*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah,
- Al-Syarbini, Shamsuddin Muhammad. (1997). *Mughni al-muhtaj ila ma 'rifati ma 'ani alfa'z al-minhaj*. Vol 2. Beirut: Darul Makrifah.
- Al-Sarakhsi, Muhammad. (1986). *Al-Mabsut*. Beirut: Dar al-Makrifah.
- Bowen, G. A. (2009). Document analysis as a qualitative research method. *Qualitative Research Journal*, 9(2) , 27-40.
- Boyce & Neale. (2006). *Conducting in-depth interviews: A Guide for designing and conducting in-depth interviews*. Watertown, MA: Pathfinder International Tool Series.
- Fischer, R. L., Wilsker, A., & Young, D. R. (2011). Exploring the revenue mix of nonprofit organizations: does it relate to publicness?. *Nonprofit and Voluntary*

- Sector Quarterly, 40(4), 662-681.  
<https://doi.org/10.1177/0899764010363921>
- Garis Panduan Bagi Kelulusan Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri Di Bawah Subseksyen 44(6) Akta Cukai Pendapatan 1967. LHDN.01/35/42/51/179-aa. 2019. *Tanggungjawab institusi atau organisasi setelah mendapat kelulusan di bawah subseksyen 44(6) ACP 1967.*
- Islamic Relief Malaysia. (2019). *IRM lancar projek dana wakaf air Somalia 2.0.* Retrieved from <https://islamic-relief.org.my/wp-content/uploads/2019/11/IRM-LANCAR-PROJEK-DANA-WAKAF-AIR-SOMALIA-2.0.pdf>)
- Komisen. (n.d.). *Dewan Bahasa & Pustaka.* Diambil dari <http://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=komisen>
- Leedy, P. (1993). *Practical research: Planning and design* (5<sup>th</sup> ed). New York: Macmillan Publishing Company.
- Makmor Tumin & Robi Nurhadi. (2017). Sejarah dan perkembangan badan bukan kerajaan (NGO) di Malaysia. *SEJARAH: Journal of the Department of History*, 15(15), 161-176. <https://doi.org/10.22452/sejarah.vol15no15.9>
- Malik. (1994). *Al-Muduawanah al-kubra*. Beirut: Dar al-Kutub al-Illiyyah.
- Mohd Afandi Salleh, Mohd Roslan Mohd Nor, Mohd Fauzi Abu Hussin, Amajid Hafiz Mohamed, Mohd Lotpi Yusob & Noor Atika Shafinaz Nazri. (2017). The role of Malaysian NGOs on Palestinian issues: Aqsa Syarif Berhad. *Pertanika Journal of Social Sciences & Humanities*, 25, 133-142.
- Mohd Husni Mohd Nor. (2019, April 3). MAPIM bina perkampungan ummah di Syria. *MyMetro.* Retrieved from <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2019/04/440488/mapim-bina-perkampungan-ummah-di-syria>
- Noor Atika Shafinaz Nazri & Mohd Syafiq bin Syafii. (2016). Agenda bantuan kemanusiaan di Syria: Kajian kes Malaysia Life Line for Syria. Seminar Proceeding of Hak Asasi Manusia Kebangsaan (SEHAM) (pp. 198-213). Bangi, Selangor.
- Noor Atika Shafinaz Nazri, Kartini Aboo Talib@Khalid & Nidzam Sulaiman. (2015). Penglibatan badan organisasi bukan kerajaan dalam aspek bantuan kemanusiaan: Kajian kes di Malaysia. Prosiding Persidangan Pemantapan Citra Kenegeraan (COSNA 6). UKM Bangi, Selangor.
- Peter Willets. (2002). *What is a non-governmental organization?* London: City University.
- Rose, J., Phil O'keefe, P., Jayawickrama, J., & O'brien, G. (2013). The challenge of humanitarian aid: An overview. *Journal of Environmental Hazards*, 12(1), 74-92. <https://doi.org/10.1080/17477891.2012.742368>

- Salamon, L. M., & Anheier, H. K. (1995). *The emerging non-profit sector: An overview*. Manchester: Manchester University Press.
- Saunah Zainon, Ruhaya Atan, Yap Bee Wah & Roland Yew Theng Nam. (2011). Institutional donors; expectation of information from the non-profit organizations (NPOs) reporting: A pilot survey. *International NGO Journal* 6(8), 170-180. doi:10.5897/NGOJ11.013
- Shinichi Shigetomi, Kasian Tejapira & Apichart Thongyou. (2004). *The NGO Way: Perspectives and Experiences From Thailand*. Chiba, Japan.
- Turner, M., & Hulme, D. (1997). *Governance, administration and development: Makin the state work*. USA: Kumarian Press.